

HAL EHWAL KEDUDUKAN ISLAM DI INDONESIA

Ada setengah-setengah orang memandang bahawa langkah-langkah westerling dengan nama “ratu adil” di Indonesia pada awal tahun 1950 dahulu itu berdasar kepada agama – sebenarnya hal-hal itu diada-adakan dengan dasar agama supaya tiap-tiap perbuatan yang berlaku itu tersabit didalamnya Dār al-Islām yang menghendaki supaya tiap-tiap langkah yang dibuat mereka hendaklah berdasar dengan dasar “negara Islam” dan sekiranya tidak terdiri “negara Islam” di Indonesia maka Dār al-Islām tidak akan memberhentikan perjuangannya, yang sekarang terus berjalan dengan tujuan itu – dengan keadaan lebih hebat daripada biasa sedang perjuangan westerling tidak kepada tujuan yang tersebut.

ASAL PERMUSUHAN DENGAN TENTERA NEGARA

(oleh Edrus)

Orang-orang Dār al-Islām yang berjuang di bawah “imamnya” Kartosoewirjo yang berjuang sekarang ialah asalnya daripada pasukan tentera-tentera Sabilillah dan Hizbullah yang dianjurkan oleh Masyumi melawan Belanda dahulu.

Perjuangan pada masa itu dibahagikan kepada beberapa daerah dan daerah-daerah Jawa Barat diletakkan ketuaan Karto Soewirjo yang diberi tugas (kewajipan) menjalankan langkah-langkah gerila di dalam daerah Jawa Barat melawan tentera Belanda. Sehingga berlaku kebersihan Belanda untuk menjaga supaya jangan terjadi perkara-perkara yang tidak menyenangkan seluruh umat Islam di serata Indonesia yang harus akan terbabit jika perjuangan yang diteruskan di Jawa Barat itu diletakkan dengan nama Masyumi yang sesudah tentu akan menjadikan Masyumi nanti di serata Indonesia terletak di dalam bahaya. Itulah yang menjadikan diberi rancangan supaya pasukan dia Jawa Barat yang kuat itu diberi nama Dār al-Islām yang namanya hingga hari ini

masih menuntut supaya terdiri nama negara Islam di Indonesia iaitu dengan tuntutan senjata dan tidak akan menyerah selagi kedudukan mereka tidak diakui. Mereka sedia berdamai dengan syarat bahawa mereka diakui sebagai sebuah kerajaan yang berdaulat (*de facto*).

Apabil Jogja diduduki Belanda maka tentera-tentera pemerintah (Tentera Negara Indonesia – T.N.I.) yang berjuang di Jawa tengah telah melarikan diri dan masuk ke Jawa Barat. Golongan mereka yang lari itu tentulah tidak sebanyak golongan tempat mereka berlindung (Dār al-Islām yang ada di Jawa Barat). Tentera-tentera ini disambut oleh orang-orang Dār al-Islām dengan baik, diberi makanan dan alat-alat supaya sama-sama berjuang. Sesudah keadaan-keadaan berubah dengan adanya campuran kesatuan bangsa-bangsa dan Sukarno dilepaskan maka tentera T.N.I. yang datang berlindung kepada Dār al-Islām itu menghendaki supaya mereka memerintah semua


tentera di Jawa Barat itu. Permintaan itu ditolak oleh ketua-ketua Dār al-Islām yang menghendaki supaya mereka terletak di bawah kuasa pemerintah-pemerintah Dār al-Islām oleh kerana mereka yang datang berlindung itu sepatutnya terletak di bawah pemerintah orang yang melindunginya – dif terletak di bawah kuasa mudif.

Inilah dia punca permusuhan di antara T.N.I. dan Dār al-Islām kerana itu T.N.I. tidak mahu mengikut perintah dan terjadilah perlawanan dan kerana mereka sedikit mereka pun dapat dikeluarkan daripada daerah itu oleh pasukan-pasukan Dār al-Islām tadi. Permusuhan ini berpanjangan – dendam tak sudah sehingga dendam itu, dipercayai hingga hari ini tidak sudah-sudahnya lagi.

Sebagaimana yang telah pernah ditulis di dalam majalah ini banyak perkara-perkara yang terjadi yang memburukkan kepada langkah-langkah Dār al-Islām itu sehingga di dalam masa pemerintahan Dr. Sukiman sesiapa daripada orang-orang Masyumi dan Islam yang berani menunjukkan timbang rasa kepada Dār al-Islām atau pun mengucapkan bahawa cita-cita muslimin Indonesia kepada sebuah negara Islam (Dār al-Islām) maka mereka itu dituduh sebagai orang yang menaruh perhatian dan bekerjasama kepada orang-orang Dār al-Islām – mereka ditangkap dan ditahan mengikut undang-undang darurat. Demikian juga kiai-kiai yang dahulunya mengambil bahagian yang besar di dalam perjuangan merebut kemerdekaan apabila didatangi oleh murid-muridnya mereka ditahan dan dituduh bekerjasama dengan Dār al-Islām bahkan pernah dikatakan ada guru-guru agama yang mengucapkan ketinggian-ketinggian dan negara-negara Islam dengan kemuliaannya ditangkap

Firman Allah: La ta'buduna illa Allah

(maksudnya) janganlah kamu sembah selain daripada Allah



Presiden Sukarno sedang berhari raya dengan ibunya.

oleh tentera-tentera T.N.I. dibawa di tengah padang lalu ditembak di situ juga.

Ada lagi kejadian yang terjadi dalam tahun 1953 ini yang penulis dengar tatkala penulis berada di Jawa Barat baharu-baharu ini di dalam kawasan yang tidak jauh dari Cianjur, pihak tentera T.N.I. telah dapat membunuh beberapa orang Dār al-Islām. Mereka yang teunuh itu dibawa ke dalam lori didirikan dan ditunjukkan di sebuah bandar dalam daerah itu, ditendang-tendang dan diterajang dan seumpamanya dengan kelakuan seolah-olah bahawa yang menjadi musuh mereka itu bukan bangsa mereka sendiri Indonesia tetapi sebagai terhadap kepada bangsa asing atau bangsa lain.

Keganasan-keganasan yang sedemikian ini dilakukan di hadapan bangsa sendiri tentulah sebahagian daripada orang Islam di situ akan merasa atau terasa bagaimana pedihnya kelakuan-kelakuan itu yang dilakukan oleh tentera negara

Indonesia yang tidak seagama dengan penduduk-penduduk itu – mereka tentu diam tetapi sesanak dan kerabat mereka tentu terguris hatinya dan dengan gurisan itulah menjadi sebab mereka mengadakan kerjasama dan membantu saudara-saudaranya pada mulanya.

Korban-korban tangkapan yang dilakukan di dalam jemaah menteri Sukarno itu ke atas beribu-ribu orang Masyumi dengan kerana cita-cita sebuah negara Islam yang dipandang mereka bertimbang rasa kepada Dār al-Islām adalah menjadi suatu riwayat yang tidak akan dilupakan oleh umat Islam Indonesia sekalipun ada peralihan jemaah menteri dalam kerajaan Indonesia itu.

“Keadaan ini tidak akan dapat dielakkan dan kita tidak akan dapat mengatur negara supaya berakhlak baik dan sempurna selagi kita belum dapat mengambil kekuasaan memerintah negara sendiri” – kata HAMKA tatkala ditemui di rumahnya di Jakarta.

“Tiap-tiap umat Islam di Indonesia bercita-cita supaya berdiri sebuah negara Islam tetapi untuk menyampaikan cita-cita itu pihak Masyumi memandang sesalah langkah-langkah yang dilakukan oleh Dār al-Islām dengan menggunakan kekerasan kepada bangsa sendiri selagi ada jalan yang lain untuk menjadikan Indonesia dengan jalan mengikut undang-undang iaitu suatu langkah yang dari satu ke suatu masa diperjuangkan oleh Masyumi” – kata seorang anggota Masyumi yang terkemuka.

Tetapi malangnya banyak orang-orang Masyumi yang menderita dan ditangkap tatkala menunjukkan terang-terang yang mereka menghendaki Dār al-Islām mengikut undang-undang itu padahal ketua-ketua Masyumi sendiri berikhtiar dan bersungguh-sungguh mencari jalan supaya orang-orang Dār al-Islām keluar bersama-sama mereka menuntut sebuah negara Islam dengan cara yang halal iaitu mengikut cara undang-undang itu.

Tatkala Mohammad Natsir di Almas pemerintahan Republik Indonesia Syarikat diberi tugas (kewajipan) mengurus

hal ehwal berdamai dengan Dār al-Islām itu maka suatu mesyuarat telah diadakan di Bandung oleh ulama-ulama Islam di dalam mana ulama-ulama telah diminta untuk mencari jalan bagi menyeru mereka keluar dan bersama-sama bekerja dengan bangsa sendiri kepada tujuan yang satu. Setelah dibahas dengan panjang lebar maka akhirnya Kiyai Hasan Bandung memberi pendapatnya tidak dapat diadakan sesuatu perundingan jika tidak terlebih dahulu mengetahui apakah kehendak-kehendak orang Dār al-Islām itu dengan tepat iaitu dengan menghantarkan seorang wakil (orang perantaraan) kepada pihak Dār al-Islām itu.

Syor itu diterima tetapi tatkala ditanya siapakah di antara mereka yang sanggup menjadi orang perantaraan itu maka tidak seorang pun yang hadir di situ menyanggupinya. Sebab-sebabnya tidak lain kerana terberita orang-orang Dār al-Islām itu ganas dan sesiapa pihak luar pergi ke sana kepalanya penggal ataupun tidak balik lagi.

Di dalam diam itu Kiyai Hasan yang mendatangkan syor berkata: “Kerana saya yang mendatangkan syor maka saya sanggup menjadi orang perantaraan dan bersedia untuk pergi dengan syarat bahawa surat-menyurat keterangan di dalam kawasan

(sambungannya pada muka 44)



Perjumpaan 15 orang ulama di rumah Tuan Mohammad Natsir untuk mencari jalan meminta orang-orang Dār al-Islām memberhentikan langkah-langkah mereka. Dari kiri: HAMKA, Mohammad Natsir, A.R. Sutan Mansur, Kiyai Wahid Hasyim (almarhum), Kiyai Haji Abdul Wahab dan Kiyai Hasan Bandung.